

# CANDINIL CREAM/LOTION

Clotrimazole (1%w/w) / Clotrimazole (1%w/v)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Candinil Cream/Lotion
2. Bagaimana Candinil Cream/Lotion berfungsi
3. Sebelum menggunakan Candinil Cream/Lotion
4. Cara menggunakan Candinil Cream/Lotion
5. Semasa menggunakan Candinil Cream/Lotion
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Candinil Cream/Lotion
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

## Apakah kegunaan Candinil Cream/Lotion

Candinil Cream/Lotion digunakan untuk merawat jangkitan kulit yang disebabkan oleh kulat.

## Bagaimana Candinil Cream/Lotion berfungsi

Candinil Cream/Lotion mengandungi bahan aktif Clotrimazole.

Clotrimazole merupakan sejenis agen antikulat dan ianya membunuh kulat yang menyebabkan jangkitan pada kulit.

## Sebelum menggunakan Candinil Cream/Lotion

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan Candinil Cream/Lotion sekiranya:

- anda mempunyai alahan terhadap Clotrimazole atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam maklumat lanjut).

## - Sebelum mula menggunakan Candinil Cream/Lotion

Berhenti menggunakan ubat ini jika anda mengalami sebarang tindak balas kulit.

### Mengandung dan menyusukan anak

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan Candinil Cream/Lotion

### - Berapa banyak harus digunakan

Sapukan satu lapisan krim/losyen yang nipis pada kawasan kulit yang terjejas.

### - Bila perlu digunakan

Gunakan 2 atau 3 kali sehari atau seperti yang ditetapkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Gunakan ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

### - Jika anda terlupa menggunakan

Sapukan dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan menyapu ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan sapukan dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal

## - Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera kerana ubat ini boleh menyebabkan pening, loya atau muntah jika anda tertelan.

## Semasa menggunakan Candinil Cream/Lotion

### - Perkara yang perlu dilakukan

- Guna ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Candinil Cream/Lotion.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan hentikan penggunaan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berikan Candinil Cream/Lotion kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.
- Jangan sapukan di dalam mulut atau menelan ubat ini.
- Jika krim ini terkena pada mata atau mulut anda, segera bilaskan dengan air.

# CANDINIL CREAM/LOTION

Clotrimazole (1%w/w) / Clotrimazole (1%w/v)

## - Perkara yang perlu diberi perhatian

- Krim ini mengandungi cetylalcohol dan alkohol stearyl, yang boleh menyebabkan reaksi pada kulit. Berhenti menggunakan ubat ini jika anda mengalami sebarang tindak balas kulit.
- krim clotrimazole boleh merosakkan kontraseptif lateks (kondom).
- Gunakan kaedah pencegahan kehamilan alternatif untuk sekurang-kurangnya lima hari selepas menggunakan produk ini.
- Candinil Cream/Lotion adalah untuk kegunaan luaran sahaja.

## **Kesan-kesan sampingan**

Seperti semua ubat-ubatan, Candinil Cream/Lotion boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mendapatkannya.

Anda mungkin mengalami kesan sampingan berikut:

- reaksi alahan seperti pengsan, kesukaran bernafas, tekanan darah rendah dan gegata.
- masalah kulit atau tisu seperti lepuh, ketidakselesaan atau kesakitan, bengkak, kerengsaan, kulit mengelupas atau gatal, ruam, kulit terasa panas atau menyengat.

Jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan ini, walaupun yang tidak dinyatakan di dalam risalah ini, maklumkan doktor atau ahli farmasi anda dengan segera.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [nptra.gov.my](http://nptra.gov.my) [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

## **Cara penyimpanan dan pelupusan Candinil Cream/Lotion**

### - Penyimpanan

Jauhkan semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan di bawah suhu 30°C. Simpan di tempat kering yang jauh daripada cahaya langsung.

Jangan gunakan produk ini selepas tarikh luput atau jika tiub bocor atau penutup muncung tiub rosak.

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah.

Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## **Maklumat lanjut**

### - Rupa dan warna produk

Candinil Cream: Krim lembut berwarna putih dan tidak berbau.

Candinil Lotion: Losyen jernih yang tidak berwarna dan tidak berbau.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Clotrimazole

- Bahan tidak aktif

Candinil Cream: Chlorocresol, tween 80, liquid paraffin, white soft paraffin, cetomagrogol 1000, glyceryl monostearate, propylene glycol, cetostearyl alcohol, purified water.

Candinil Lotion: Propylene glycol, glycerin, PEG 400, alcohol denatured

## - Nombor MAL:

Candinil Cream: MAL19900279XCZ

Candinil Lotion: MAL19900300XCZ

## **Pengilang**

Terapeutics Sdn. Bhd.

Lot 10 & 11, PERDA Industrial Park, Lorong IKS Simpang Ampat B, 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang, Malaysia

## **Pemegang Pendaftaran Produk**

Zontron Pharmaceuticals Sdn. Bhd.

Lot 10 & 11, PERDA Industrial Park, Lorong IKS Simpang Ampat B, 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang, Malaysia

## **Tarikh kemaskini RiMUP**

23/11/2021

## **Nombor Siri**

NPRA(R4/1)221121/00088